

## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 3/2009

#### PEMBAYARAN GANTIAN (IN LIEU OF) BAGI PEMBAYARAN GANTIAN TAPAK SURAU/MASJID BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DI NEGERI KELANTAN.

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan melalui persidangan kali ke 21/2008 pada 19 November 2008 dalam menimbangkan kertas Bil. 21/2509/2008 (148) telah bersetuju membuat keputusan menetapkan satu kaedah pembayaran gantian (In Lieu Of) bagi pembayaran gantian tapak surau/masjid bagi permohonan kebenaran merancang di Negeri Kelantan adalah seperti berikut :-

1.1. Bersetuju menerima cadangan kaedah bayaran gantian (In Lieu Of) yang perlu dibayar bagi menggantikan penyediaan tapak surau/masjid yang dikenakan kepada pemohon di dalam permohonan kebenaran merancang Negeri Kelantan dengan syarat permohonan untuk pertimbangan Kerajaan hendaklah diangkat mengikut kes dan kadar yang akan dikenakan berdasarkan kadar semasa di tempat berkenaan.

1.2. Cara Sumbangan :

Pemaju atau pemilik tanah dikehendaki membayar wang sumbangan penyediaan kemudahan surau secara sekali gus kepada Pentadbir Tanah Jajahan yang berkenaan.

1.3. Piawai Perancangan Tapak Surau adalah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Jenis Rumah</b>	<b>Keluasan Tapak Surau</b>	<b>Catatan</b>
1.	Sesebuah/Berkembar/Teres/Pangsa 35 unit – 70 unit	929.0 mp (10,000 kp)	1 tapak
	71 unit – 100 unit	1,393.5 mp (15,000 kp)	1 tapak
	101 unit – 130 unit	1,858.1 mp (20,000 kp)	1 tapak
	131 unit – 160 unit	2,787.1 mp (30,000 kp)	

	161 unit – 200 unit	3,716.1 mp (40,000 kp)	
	200 unit dan ke atas	1 masjid dengan keluasan (0.4 – 1.2 ha (1-3 ekar)	
2.	Perniagaan (Kedai) 100 unit	148.6 mp (1,600 kp) luas lantai	
3.	Kompleks Perniagaan 14,864.5 mp (160,000 kp)	148.6 mp (1,600 kp) luas lantai	

2. Oleh itu semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil perhatian tentang keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan ini dan juga mengenai cara-cara pelaksanaan yang telah digaris itu.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.



.....  
**(DATO' HJ. KAMARUDDIN BIN HJ. AWANG)**  
 PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
 KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha  
 Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.

FAIL : PTG.KN.44/85 Jld.3(3)

BERTARIKH 30 APR 2009

(M/Koor/kep/mung/Pek. PTG In Lieu Of